



## **KENYATAAN RASMI**

### **PENANGGUHAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU**

#### **PROGRAM PRA UNIVERSITI SESI 2020/2021**

Pusat Pengajian Pra Universiti UNIMAS ingin memaklumkan bahawa tarikh kemasukan para pelajar baharu sesi 2020/2021 yang dijadualkan bermula pada 1 Ogos 2020 kini ditangguhkan ke 1 September 2020.

Keputusan ini dibuat demi memastikan kebajikan serta keselamatan pelajar adalah pada tahap yang optimum memandangkan Kota Samarahan dan Kuching mengalami peningkatan kes baharu COVID-19. Perkara ini juga adalah selaras dengan keputusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini.

Para pelajar baharu Pra Universiti seramai 845 orang dari seluruh Malaysia telah melalui sesi Minggu Aluan Pelajar secara atas talian pada 20-23 Julai 2020 dengan jayanya. Ini akan diikuti dengan minggu pengenalan eLearning pada 27-30 Julai yang juga akan dijalankan sepenuhnya secara atas talian.

Sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian sepenuhnya akan bermula pada 3 Ogos 2020 manakala sesi amali secara bersemuka akan bermula pada minggu kedua bulan September 2020.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Pusat Pengajian Pra Universiti UNIMAS menerusi emel [pppu@unimas.my](mailto:pppu@unimas.my) atau dengan menghubungi nombor 082-582331/ 082-582332/082-582333 (pada waktu bekerja Isnin-Jumaat, 8.00 pagi-5.00 petang).

**UNIMAS Global**

**24 JULAI 2020**